

## **PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN UNTUK MANGSA PEMERDAGANGAN**

DOL boleh membantu mangsa pemerdagangan manusia, tanpa mengira status imigresen, dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan atau rujukan kepada organisasi komuniti.

Perkhidmatan yang disediakan termasuk:

- Penempatan sementara kecemasan
- Makanan dan keperluan asas yang lain
- Pemerolehan upah yang tidak dibayar
- Latihan kemahiran kerja dan penempatan kerja
- Bantuan imigresen dan undang-undang
- Bantuan dalam mewujudkan kediaman tetap di Amerika Syarikat
- Perkhidmatan kesihatan mental dan fizikal
- Kaunseling
- Bantuan dalam mengakses manfaat awam persekutuan dan negeri
- Terjemahan dan interpretasi
- Tindakan jenayah dan/atau sivil terhadap pelaku pemerdagangan manusia



Untuk melaporkan kes yang disyaki berlaku pemerdagangan manusia, hubungi:

**Jabatan Tenaga Kerja Negeri New York  
Bahagian Pematuhan dan Pendidikan  
(sebelum ini dikenali sebagai Bahagian Dasar dan Hal Ehwal Imigran)**

Tel: 877-466-9757

E-mel: [trafficking@labor.ny.gov](mailto:trafficking@labor.ny.gov)


Laman web: [www.labor.ny.gov/immigrants](http://www.labor.ny.gov/immigrants)

**Pusat Sumber  
Pemerdagangan Manusia Kebangsaan**

Tel: 888-373-7888

**Sumber tambahan:  
Polaris Project: [www.polarisproject.org](http://www.polarisproject.org)**

**Sekiranya berlaku kecemasan,  
hubungi 911 segera.**



# **BURUH PAKSA IALAH JENAYAH**

**BANTUAN  
UNTUK MANGSA  
PEMERDAGANGAN  
MANUSIA**

**WE ARE YOUR DOL**



f t i n y @nyslabor | [www.labor.ny.gov](http://www.labor.ny.gov)  
**1-888-469-7365**

Jabatan Tenaga Kerja Negeri New York merupakan Majikan/Program Peluang Sama Rata. Bantuan dan perkhidmatan tambahan disediakan atas permintaan dan percuma kepada individu yang kurang upaya TTY/TDD 711 atau 1-800-662-1220 (Bahasa Inggeris) / 1-877-662-4886.

**WE ARE YOUR DOL**



## APAKAH ITU BURUH PAKSA?

Buruh Paksa, yang juga dikenali sebagai "Pemerdagangan Manusia," merupakan jenayah serius. Individu yang diperdagangkan mungkin tidak menyedari perkara yang berlaku kepada mereka adalah menyalahi undang-undang dan bantuan ada disediakan. **Pemerdagangan buruh berlaku apabila seseorang menggunakan kekerasan, penipuan atau paksaan untuk mendorong orang lain bekerja tanpa kerelaan mereka.**

**KEKERASAN:** Ancaman keganasan fizikal, atau keganasan fizikal sebenar, terhadap pekerja atau keluarga mereka.

**PENIPUAN:** Janji palsu oleh pelaku pemerdagangan manusia yang tiada niat untuk ditunaikan, seperti menjanjikan kad hijau atau wang.

**PAKSAAN:** Ancaman dibuat untuk memaksa seseorang bekerja, seperti ancaman untuk menelefon pihak imigresen atau polis dan membuat tuduhan jenayah palsu, atau secara palsu menyatakan individu mesti bekerja untuk membayar hutang.

Pelaku pemerdagangan manusia menggunakan gabungantaktik chg to gabungan taktik **menakut-nakutkan, ugutan, salah guna, dan psikologi** untuk mengawal mangsa, seperti:

**SALAH GUNA EMOSI:** Memalukan pekerja di hadapan orang lain, memanggil nama, membuatkan mangsa berasa bersalah dan menyalahkan mereka atas situasi itu. Pelaku pemerdagangan manusia juga mungkin menegaskan keistimewaan mereka berdasarkan jantina, umur atau warganegara untuk mencadangkan kedudukan lebih tinggi. Sebaliknya, pelaku pemerdagangan manusia juga mungkin memuji pekerja, memberitahu pekerja bahawa mereka bergantung kepada pekerja, atau memberitahu mereka bahawa mereka sahaja yang peduli atau akan memberikan pekerjaan, jadi pekerja harus berterima kasih kepada pelaku pemerdagangan manusia.

**ISOLASI DAN KAWALAN:** Pelaku pemerdagangan manusia mungkin memberitahu pekerja yang mereka tidak boleh bercakap dengan sesiapa pun, sentiasa memantau pekerja melalui telefon atau kamera, atau mempamerkan senjata dan menegaskan akses kepada penguatkuasaan undang-undang untuk menakut-nakutkan seseorang. Pelaku pemerdagangan manusia juga mungkin mengehadkan akses kepada wang untuk mewujudkan kebergantungan dengan membayar sekali-sekala, sangat sedikit, atau tidak semua.

## MENGENAL PASTI KEMUNGKINAN BERLAKU PEMERDAGANGAN MANUSIA

Pemerdagangan manusia boleh berlaku dalam banyak industri, termasuk:

- Kilang, seperti kilang pakaian
- Ladang atau landskap
- Pembinaan
- Rumah persendirian (cth., pengasuh dan pembantu rumah)
- Restoran, bar, hotel atau industri perkhidmatan lain
- Kelab bogel, pelacuran jalanan, rumah urut palsu, perkhidmatan pengiring, rumah pelacuran, dsb.

Seseorang boleh menjadi mangsa pemerdagangan manusia jika dia:

- Tidak bebas datang dan pergi
- Tiada kawalan ke atas dokumen pengenalan atau wang sendiri
- Tidak dibayar atau dibayar sangat sedikit
- Bekerja luar biasa terlalu lama
- Memiliki hutang yang banyak atau semakin bertambah
- Hidup atau bekerja di lokasi yang luar biasa mempunyai keselamatan tinggi atau banyak kamera
- Sangat cemas, takut, pasif, tertekan, gementar atau tegang yang luar biasa
- Mempunyai kecederaan yang tidak dapat diterangkan atau tanda-tanda kesakitan atau penyakit yang berpanjangan atau tidak dirawat
- Menunjukkan tanda-tanda penderaan fizikal atau seksual, kekangan fizikal, pemenjaraan atau penyeksaan

## MANGSA PEMERDAGANGAN MANUSIA

Jabatan Tenaga Kerja mempunyai kuasa untuk menerima aduan dan menjalankan siasatan terhadap perlanggaran Undang-undang Buruh New York, seperti gaji minimum, kerja lebih masa, gaji tidak dibayar dan penolakan yang menyalahi undang-undang. Penyiasat Jabatan Tenaga Kerja mempunyai kuasa untuk memasuki dan memeriksa premis perniagaan, menemu bual pekerja, dan menyemak rekod pembayaran gaji. Kakitangan Jabatan Tenaga Kerja dilatih untuk mengenal pasti pemerdagangan manusia yang mungkin berlaku. Bahagian Dasar dan Hal Ehwal Imigran menyelaraskan usaha antipemerdagangan manusia yang dilakukan oleh Jabatan Tenaga Kerja, termasuk:

- Menyediakan rujukan kepada Program Respons NY terhadap Pemerdagangan Manusia
- Memberikan sijil untuk visa U atau T kepada mangsa yang layak bagi jenayah kelayakan serius tertentu, termasuk pemerdagangan manusia
- Meningkatkan kesedaran orang ramai melalui pembentangan yang menjangkaui komuniti dan perniagaan

Jika anda berminat dengan mana-mana perkhidmatan kami, sila hubungi Bahagian Pematuhan dan Pendidikan (sebelum ini dikenali sebagai Bahagian Dasar dan Hal Ehwal Imigran) di **877-466-9757** atau e-mel **trafficking@labor.ny.gov**.

